

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

- Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** di Pulau Pinang sahaja dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	NO. SEBUTHARGA	PERDA/BHT/S/7/2026
(ii)	TAJUK SEBUTHARGA	KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN PEMASANGAN PAPAN TANDA PERDA HALAL PARK SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 21328, MUKIM 12, KUBANG MENERONG, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.
(iii)	KELAYAKAN	Gred G2 : Kategori CE:- Pengkhususan CE13 dan CE21
(iv)	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA	17 Mac 2026 (Selasa) Jam 10.00 Pagi
(v)	TARIKH & MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA	18 Mac 2026 (Rabu, 10.00 pagi) hingga 25 Mac 2026 (Rabu, 5.00 petang)
(vi)	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	1 April 2026 (Rabu) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

- Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

- Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Bangunan Pusat Konvensyen PERDA (PCC), Kubang Menerong, Seberang Perai Utara** pada **17 Mac 2026 (Selasa, jam 10.00 Pagi)** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. Hanya **Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini**. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my bermula dari tarikh **18 Mac 2026 (Rabu, jam 10.00 pagi)** hingga **25 Mac 2026 (Rabu, jam 5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- Dokumen Sebutharga
- Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

- Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **1 April 2026 (Rabu) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

- PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.